



PRESIDEN Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, Imre Hollai (tengah), bertemu dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kiri), dan Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie, di Bangsa-Bangsa Bersatu, Rabu lalu. — Gambar AP

## PM: PULIHKAN MARUAH PBB

**NEW YORK, Khamis** — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini menyeru negara-negara membangun peranan bagi memulihkan maruah dan kewibawaan pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), sebagai badan yang menjamin keamanan dan kestabilan dunia.

Bellau yang menisfatkan kewibawaan dan maruah PBB sudah merosot ke peringkat paling rendah, meminta agar "kuasa-kuasa besar" menghormati peranan

Dari **AHMAD NAZRI ABDULLAH**

badan itu.

Katanya, maruah dan kewibawaan PBB merosot dan dunia terus menghadapi berbagai krisis ekonomi dan politik.

"Ini semua berlaku disebabkan resolusi-resolusi penyelesaian yang diluluskan oleh badan dunia itu tidak dihormati," katanya.

Sejak perhimpunan agung lalu, keadaan antarabangsa tidak juga pulih, malah bertambah teruk, dunia terus dicengkam berbagai krisis akibat dari konflik politik,

ketenteraan, pembekuan ekonomi, kemelesetan, kemiskinan dan sebagainya.

"Kita terpaksa mengakui bahawa undang-undang antarabangsa tidak dihormati. Resolusi demi resolusi diluluskan oleh berbagai jawatankuasa PBB, tetapi kejahatan, pelanggaran dan tipu helah ekonomi masih berterusan.

"Kewibawaan PBB terlalu rendah, dan kami yang lemah dan kecil hidup dalam ketakutan

● **LIHAT MUKA 10**

# KEMBALIHAN PBB SELANG CABAR TERBATAS

## ● DARI MUKA 1

danimbang dengan ke-merdekaan kami, kesejahteraan kami dan nyawa kami".

Demikian antara lain seruan dan rayu yang dibuat oleh Perdana Menteri ketika menyampaikan ucapan sualungunya di Perhimpunan Agung PBB kali ke-37, di sini petang ini.

Katanya, dalam keadaan krisis seperti ini, PBB perlu dipulihkan maruahnyanya agar dapat memainkan peranannya Menter, kewibawaan secara lebih berkesan PBB sudah tersebar demi keselamatan dunia.

## Krisis

"Kita perlu memulihkan kepercayaan kita kepada PBB. PBB mesti mendapa. Kewibawaannya semula. Apa yang perlu ialah kuasa-kuasa besar yang bertanggungjawab menubuhkan badan dunia ini bertindak mengembalikannya kekuatan PBB.

"Kuasa-kuasa besar menialah memberi nafas baru kepada PBB dengan cara menghormati keputusan PBB serta mengemukakan pengaruh mereka memastikan badan dunia itu lebih

berkesan," tegasnya. Katanya lagi, negara-negara membangun seperti Malaysia mesti membantu memulihkan kepercayaan dan keyakinan masyarakat dunia terhadap peranan PBB dalam menyelesaikan masalah dan krisis dunia serta menjamin kestabilan dan keamanan.

"Tetapi ini lebih merupakan ucapan sualungunya kerana apa yang perlu ialah sokongan kuasa-kuasa besar," jelas PBB perlu dipulihkan

Menurut Perdana Menteri, kewibawaan PBB sudah tersebar memandangkan dunia hari ini menghadapi berbagai ancaman dan krisis.

"Negara-negara kecil dan lemah seperti Afghanistan, Kampuchea dan Lebanon dianda oleh tentera-tentera penyerang, manakala dunia ini terus berdamir diri. Ekonomi negara miskin terus dirosakkan oleh kemelut ekonomi yang dibunt oleh kuasa-kuasa kewangan dan komersial dunia.

"Rayuan-rayuan negara-negara miskin tidak dihiraukan sebaliknya negara-negara kaya terus merencanakan dunia ini untuk menyuarat-nyuarat

Cancun.

"Manakala di Lebanon pula ribuan pejuang Palestin dibunuh atas nama keselamatan negara Israel," ujarnya.

Inf semua ditunjukkan sebagai bukti betapa PBB yang bertanggungjawab menjamin keamanan dunia sudah tidak dihormati lagi.

Katanya lagi, kalau dulu pasukan petugas PBB berjaya menahsakan sebarang penceroobahan, tetapi kini tidak mampu lagi.

## Mengancam

Keadaan yang sama berlaku di Kampuchea, yang mana terus mengancam keamanan dan keselamatan rantau itu. Walaupun sudah tiga kali Perhimpunan Agung PBB mendesak pengunduran semua tentera asing dari Kampuchea tetapi sekali lagi kuasa-kuasa besar tidak menghormatinya.

Perdagangan antarabangsa mengenai Kampuchea (ICK) menyuarakan prinsip-prinsip penyelesaian politik Kampuchea. Tetapi sekali lagi mereka yang berkemampuan men-

capai penyelesaian itu menunjukkan minat yang sedikit ke arah penyelesaian," katanya. Perdana Menteri berkata, sekiranya perlanggaran tentera asing berterusan menduduki Kampuchea, lambaun negeri itu akan menjadi tempat persaingan kuasa-kuasa besar yang mengancam konsep aman, bebas dan berkecuali ASEAN.

"Dunia mesti memberi perhatian serius terhadap situasi di Kampuchea sebelum persaingan kuasa-kuasa besar di situ bertukar menjadi konfrontasi terbuka. Sekiranya keadaan ini berlaku, sekali lagi PBB tidak berkuasa membuat sesuatu," tegas beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir seterusnya meminta anggota PBB menyatakan sokongan mereka kepada Kerajaan Demokratik Kampuchea yang baru ditubuhkan bagi membolehkannya memulih keamanan dan komerdekaan di situ.

Dalam ucapannya yang panjang lebar dan berbunga-bunga itu, Datuk Seri Dr. Mahathir juga menyentuh beberapa aspek lain berkaitan dengan kepentingan Malaysia. Aspek ekonomi,

kuhususnya masalah pasaran bahan utama diberi perhatian yang berat dan mendesak negara-negara maju memulihkannya sebagai kemelut ekonomi dunia.

Masalah dadah yang dianggap sebagai masalah sosial juga diberi perhatian. Perdana Menteri berharap PBB bertindak secara berkesan menyelesaikan masalah tersebut yang disifatkannya sebagai punca segala penyakit sosial dan mental.

Selain dari itu, masalah Undang-undang Laut dan tuntutan benua Antartika yang belum diselesaikan juga disentuh oleh Perdana Menteri.

Berhubung dengan perkara ini, beliau meminta badan dunia itu bertindak mengambil langkah-langkah berkesan agar negara-negara miskin dan mundur tidak disingkirkan dari menikmati faedah-faedah di dasar laut dan Antartika.

Perdana Menteri mengakhiri ucapannya dengan menyeru anggota-anggota PBB memberi kerjasama dan sokongan sepenuhnya agar kesmataan, antarabangsa, kestabilan dan keselamatan dunia tercapai



● DATUK SERI DR. MAHATHIR sedang membincangkan sesuatu dengan Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, Enck Perez de Cuellar dalam pertemuan mereka di Bangsa-Bangsa Bersatu kelmarin. — Gambar AP.